

# Hutang Dunia

**M**ENGAPAKAH sesebuah negara perlu berhutang? Sebenarnya ada sejarah yang panjang, seperti yang dibicarakan oleh Simon Johnson dan James Kwak dalam *White House Burning: Our National and Why it Matters to You*.

Berniaga mungkin boleh sekadar menggunakan "air liur" jika individu berkenaan mempunyai hubungan politik, tetapi untuk berperang, segala-galanya memerlukan wang. Bagi mengerahkan angkatan tentera ke medan perang, Amerika Syarikat memerlukan sumber kewangan yang sepatutnya diperolehi, sama ada daripada cukai ataupun hutang.

Johnson dan Kwak menjelaskan, mengapa Great Britain memenangi Perang Bladensburg pada tahun 1814, menewaskan Amerika Syarikat yang gagal mengumpulkan wang melalui

kenaikan cukai. Dalam peperangan itu, tentera British mara ke Washington, dan pada malam 24 Ogos, mereka membakar Capitol, Bangunan Perbendaharaan dan Rumah Putih (bangunan ini tidak dikenali secara rasmi sebagai Rumah Putih hingga tahun 1901).

Bagi rakyat Amerika, pembakaran Rumah Putih itu merupakan titik rendah peperangan, iaitu detik aib nasional yang mengekalkan imej ikon dalam sejarah Amerika Syarikat. Mengapa Britain menang? Hujah kedua-dua penulis ini, ialah wang, sebaliknya Amerika Syarikat terkial-kial untuk menarik para pemberi pinjaman.

Bagi kedua-dua penulis ini, defisit dan hutang sekadar angka. Hutang negara Amerika Syarikat lebih AS\$10 trilion mungkin lebih AS\$30 000 seprang, tetapi tidak ada orang yang datang mencari rakyat negara itu kerana mereka

berkongsi bahagian hutang itu. Maka, mengapa kita patut ambil berat tentang hutang negara?

Di Malaysia, terutamanya ahli politik yang ingin mencetuskan kegemparan, hutang negara (hutang kerajaan atau awam, hutang swasta dan hutang isi rumah) sering kali diungkit. Menurut kajian, disebabkan perbelanjaan berlebihan, hutang kerajaan Malaysia tumbuh secara purata 10 peratus setahun selama 10 tahun yang lalu untuk mencecah RM697.43 bilion seperti pada akhir September 2017, daripada RM266.72 bilion pada tahun 2007, bahkan tumbuh secara purata 10.8 peratus setahun antara tahun 1997 hingga tahun 2017.

Menurut Cindy Yap, yang menulis dalam *The Edge Malaysia*, bahagian besar hutang naik terus-menerus kerana perbelanjaan mengurus tumbuh secara purata, iaitu enam peratus setahun sejak

10 tahun lalu kepada RM219.91 bilion pada tahun 2017 daripada RM123.1 bilion pada tahun 2007, iaitu lebih pantas daripada pertumbuhan hasil. Sepanjang dekad lalu, hasil negara tumbuh secara purata 4.9 peratus setahun, kepada RM225.34 bilion pada tahun 2017 daripada RM139.9 bilion pada tahun 2007.

Pada Mac tahun ini, Moody's Investors Service memberikan penarafan bahawa hutang kerajaan Malaysia adalah sebanyak 51 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) "agak tinggi" jika dibandingkan dengan lain-lain yang mempunyai penarafan kredit berdaulat "A." Walau bagaimanapun, hutang tinggi ini, kebanyakannya disebut dalam ringgit, mengurangkan risiko luaran terhadap negara ini.

Sementara itu, Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa rizab antarabangnya

seperti pada 13 April 2018, meningkat kepada AS\$110 bilion, meningkat dua peratus berbanding dengan AS\$107.8 bilion pada 30 Mac. Berdasarkan kedudukan rizab antarabangsa yang kukuh, di samping nilai ringgit semakin baik, dan perdagangan yang meningkat dapat membantu meredakan beban hutang kerajaan.

Meskipun Shakespeare pernah berpesan, "jangan jadi peminjam dan juga pemberi pinjaman," banyak kerajaan pada hari ini hidup dengan meminjam wang. Pinjaman membolehkan kerajaan menutur kekurangan peruntukan tanpa meningkatkan cukai atau memotong perbelanjaan awam. Namun begitu, hutang yang banyak boleh menjejaskan ekonomi, terutamanya semasa kemelesetan.

Organisasi Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dalam laporan *Government at a Glance* pada Oktober lalu menyatakan bahawa Amerika Syarikat baru sahaja melepasi AS\$20 trilion dalam hutang untuk pertama kali, manakala United Kingdom berhutang sebanyak 1.9 trilion paun (AS\$2.5 trilion) dan terus meningkat. Walau bagaimanapun, kedua-dua negara itu bukannya negara yang paling berhutang, kerana hutang Jepun mencecah 221.8 peratus KDNK pada tahun 2015.

Satu cara untuk berfikir tentang hutang kerajaan adalah dari segi per kapita, misalnya jika orang Jepun mahu membayar hutang negara mereka, maka mereka berhutang sebanyak AS\$90 345 setiap orang. Dalam kalangan negara OECD, Ireland, Amerika Syarikat, dan seterusnya Itali, dengan masing-masing AS\$62 687, AS\$61 539 dan AS\$58 693 setiap orang, manakala Belgium AS\$58 134, melebihi purata OECD, iaitu AS\$50 245.

Austria, Perancis, dan Greece semuanya mempunyai hutang per kapita yang tinggi daripada United Kingdom, dan warganegara mereka perlu mencari hampir AS\$50,000 setiap orang, masing-masing AS\$49 975, AS\$49 652, dan AS\$47 869. Hutang per kapita dalam

kalangan negara OECD meningkat pada kadar tahunan purata 5.9 peratus sejak tahun 2007. Walau bagaimanapun, amaun hutang yang ditanggung oleh setiap orang di setiap negara sangat berbeza, daripada AS\$90 345 di Jepun kepada AS\$3761 di Estonia.

Pada tahun 2015, tahap hutang awam kasar di negara OECD mencecah 112 peratus KDNK, berbanding dengan 73 peratus pada tahun 2007, sebelum krisis kewangan. Tahap hutang yang banyak meningkat di Sepanyol, Slovenia, Portugal dan Greece. Hanya tiga negara OECD yang mengurangkan tahap hutang mereka sejak krisis kewangan, iaitu Norway, Switzerland dan Israel. Negara yang mempunyai hutang awam yang tinggi sepanjang dekad ini ialah Jepun, iaitu 221.8 peratus KDNK, diikuti oleh Greece (181.6 peratus), Itali (157.5 peratus), dan Portugal (149.2 peratus).

Pada pertengahan April tahun ini, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memberikan amaran tentang peminjaman global yang berlebihan, iaitu AS\$164 trilion pada tahun 2016, jauh lebih tinggi daripada ketika krisis kewangan global satu dekad lalu.

IMF dalam laporannya yang dipetik secara meluas menyatakan bahawa sektor swasta dan awam dengan segera perlu memotong tahap hutang untuk meningkatkan kebingkasan ekonomi global dan menyediakan kemampuan melawan api yang lebih besar sekiranya sesuatu yang silap berlaku. Bagi IMF, peningkatan hutang ini tidak sepatutnya berlaku memandangkan "rangsangan fiskal untuk menyokong permintaan bukan lagi keutamaan."

Dalam *Fiscal Monitor*, April 2018, IMF menggesa para penggubal dasar supaya berhenti menyediakan "rangsangan yang tidak perlu apabila kegiatan ekonomi telah pun semakin meningkat" dan menyeru Amerika Syarikat supaya "menentukan semula" dasar fiskalnya dan meningkatkan cukai untuk mula memotong hutangnya. Melalui langkah itu, tahap nisbah hutang dengan KDNK Amerika Syarikat merosot dalam jangka sederhana. Defisit belanjawan negara itu dijangkakan melebihi AS\$1 trilion pada tahun 2020.

Banyak kerajaan mempunyai tahap nisbah hutang dengan KDNK yang sukar. Hutang awam

dan swasta global lebih dua kali ganda saiz nilai barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan atau disediakan setiap tahun, dan pada 225 peratus KDNK ialah 12 titik peratusan lebih tinggi berbanding dengan ketika puncak krisis kewangan pada tahun 2009 sebelum ini.

Sepuluh daripada AS\$164 trilion itu ditanggung oleh tiga negara, iaitu Amerika Syarikat, Jepun, dan China. Peminjaman China meningkat daripada AS\$17 trilion pada tahun 2001 kepada AS\$25.5 trilion pada tahun 2016, merupakan tiga suku peningkatan hutang sektor swasta pada dekad lalu. Hutang kerajaan kasar di China mencecah 47.8 peratus.

Daripada AS\$164 trilion itu, hutang ekonomi maju berjumlah AS\$120 trilion. Lebih satu pertiga ekonomi maju mempunyai tahap nisbah hutang dengan KDNK lebih 85 peratus, tiga kali ganda jika dibandingkan dengan tahun 2000. Dalam kalangan ekonomi negara maju utama, Jepun mempunyai tahap nisbah hutang dengan KDNK paling tinggi, iaitu 236 peratus, diikuti oleh Itali dengan 132 peratus dan Amerika Syarikat 108 peratus.

Sementara itu, satu per lima pasaran sedang muncul dan negara berpendapatan sederhana mempunyai tahap hutang melebihi 70 peratus KDNK, didahului oleh Brazil, 84 peratus dan India, 70.2 peratus. Daripada jumlah itu, 63 peratus ialah hutang sektor swasta bukan kewangan, dan 37 peratus hutang sektor awam.

Walaupun ekonomi maju menanggung kebanyakan hutang dunia, pada masa 10 tahun lalu, pasaran sedang muncul menyumbang kebanyakan peningkatan itu. China sahaja menyumbang sebanyak 43 peratus kepada peningkatan hutang dunia sejak tahun 2007.

Menurut IMF, tahap tinggi hutang berdaulat menjadikannya sukar bagi kerajaan untuk pembiayaan semula apabila hutang mereka mencapai kematangan, terutamanya jika keadaan pembiayaan ketat. Hutang yang besar juga menghalang keupayaan negara untuk meningkatkan perbelanjaan sekiranya ekonomi negara berkenaan terjebak ke dalam kancang kemelesetan, dan mungkin menyekat pertumbuhan.

Menurut IMF lagi, negara sepatutnya mengambil tindakan muktamad untuk membina

semula penimbal fiskal negara berkenaan supaya negara itu dapat meningkatkan perbelanjaan ketika masa sukar. Dengan hutang yang tinggi bersama-sama dengan pertumbuhan yang lemah dan kadar pengangguran yang tinggi dengan memetik Robert Skidelsky, "ekonomi maju mengalami dekad yang hilang."

Meskipun sesetengah negara yang mempunyai jumlah hutang yang tinggi, negara berkenaan juga merupakan negara ekonomi terbesar di dunia pada tahun 2018. Menurut IMF, Amerika Syarikat mempunyai ekonomi terbesar di dunia, iaitu AS\$20.4 trilion, yang menunjukkan ekonomi itu meningkat daripada kira-kira AS\$19.4 trilion tahun 2017.

Dikuti oleh China, dengan AS\$14 trilion, meningkat lebih AS\$2 trilion berbanding dengan tahun lalu. Jepun yang menduduki tempat ketiga dengan ekonomi bernilai AS\$5.1 trilion, meningkat daripada AS\$4.87 trilion pada tahun sebelumnya.

Dua negara Eropah yang tergolong lima teratas dalam senarai, iaitu Jerman keempat, dengan ekonomi AS\$4.2 trilion, United Kingdom kelima dengan AS\$2.94 trilion. Sementara itu, Perancis yang turut tersenarai menduduki tempat keenam dengan AS\$2.93 trilion.

Mengekori rapat United Kingdom dan Perancis ialah India di tangga ketujuh dengan ekonomi AS\$2.85 trilion, dan Itali kelapan dengan ekonomi AS\$2.18 trilion. Tangga kesembilan dalam senarai ialah Brazil dengan ekonomi lebih AS\$2.14 trilion, manakala Kanada ke-10 dengan ekonomi AS\$1.8 trilion.

Mungkin secara kebetulan, tiga negara yang menanggung jumlah yang tinggi, iaitu Amerika Syarikat, Jepun, dan China pada tahun 2016, juga merupakan tiga ekonomi terbesar dunia, sekadar susunannya berubah, iaitu China di belakang Amerika Syarikat dan disusuli oleh Jepun. Itali, Brazil, dan India yang tergolong dalam negara mempunyai hutang yang tinggi turut tersenarai dalam 10 teratas ekonomi terbesar di dunia pada tahun ini. •

**Pada pertengahan April tahun ini, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memberikan amaran tentang peminjaman global yang berlebihan.**

**China sahaja menyumbang sebanyak 43 peratus kepada peningkatan hutang dunia sejak tahun 2007.**